

Pas peroleh majoriti lebih besar

3.14 18/01/09 M/S 6

■ MOHD LAZIM ENDUT

KUALA TERENGGANU – Pas berjaya merampas kerusi Parlimen Kuala Terengganu apabila calonnya, Mohd Abdul Wahid Endut menewaskan calon Barisan Nasional (BN), Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh dan calon Bebas, Azharudin Mamat@Adam dengan majoriti lebih selesa pada pilihan raya kecil Parlimen itu, semalam.

Dalam pertandingan sengit tiga penjujur itu, Mohd Abdul Wahid, 52, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Wakaf Mempelam menang dengan majoriti 2,631 undi setelah beliau memperoleh 32,883 undi.

Manakala Wan Ahmad Farid, 46, bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri memperoleh 30,252 undi dan Azharudin pula, seorang ahli perniagaan hanya mendapat 193 undi, sekali gus hilang wang pertaruhan.

Jumlah undi yang rosak adalah sebanyak 665, iaitu sedikit berkurangan berbanding 931 undi pada Pilihan Raya Umum ke-12, Mac lalu.


Majoriti 2,631 undi diperoleh calon Pas adalah satu pencapaian lebih besar berbanding 628 undi yang diperoleh bekas wakil rakyat BN kawasan itu, Allahyarham Datuk Razali Ismail pada pilihan raya umum lalu.

Pada pilihan raya kecil semalam, seramai 63,967 pemilih atau 79.9 peratus daripada 80,229 pengundi berdaftar keluar mengundi dan peratusan ini sedikit menurun berbanding pilihan raya umum lalu, iaitu 82.45 peratus.

Keputusan pilihan raya kecil itu diumumkan oleh Pegawai Pengurus Pilihan Raya, Wan Mustafa Wan Hassan kira-kira jam 9.30 malam tadi di pusat penjumlahan undi di Stadium Negeri, Jalan Sultan Mahmud, di sini.

Pengumuman tersebut disambut dengan laungan takbir oleh penyokong Pas termasuk gabungan Pakatan Rakyat (PR).

Dengan kemenangan calon Pas itu, bermakna BN kini terpaksa kehilangan satu lagi 'suara' dari kerusi Parlimen Terengganu di Dewan Rakyat, setelah Datuk Seri Abdul Hadi Awang berjaya



Mohd Abdul Wahid dijulung penyokong setelah diumumkan memenangi kerusi Parlimen Kuala Terengganu di Stadium Negeri, pada jam 9.30 malam oleh Pegawai Pengurus Pilihan Raya, Wan Mustafa Wan Hassan. Foto: MOHD SHAMSUL SAID

merampas semula Parlimen Marang daripada calon BN, Datuk Dr Ahmad Ramzi Mohamad Zubir, pada pilihan raya umum lalu.

Pilihan raya kecil Parlimen Kuala Terengganu diadakan berikutan kematian wakil rakyat BN, Allahyarham Datuk Razali Ismail pada

28 November lalu.

Dalam pilihan raya umum lalu, Razali berjaya menewaskan calon Pas, Mohamad Sabu dan calon Bebas, Maimun Yusuf dengan majoriti 628 undi. Razali memperoleh 32,562 undi, Mohamad Sabu (31,934 undi) dan Maimun (685 undi).

KEPUTUSAN

Pas (Menang)

Mohd Abdul Wahid Endut:
32,883

BN

Datuk Wan Ahmad Farid
Wan Salleh:
30,252

(Majoriti: 2,631)

BEBAS

Azharudin Mamat @ Adam:
193

JUMLAH PENGUNDI BERDAFTAR

80,229

Jumlah keluar mengundi: 63,993
Undi Pos: 1,302



Mohd Abdul Wahid Endut bersama isterinya, Wan Fatimah Wan Abdullah melaksanakan tanggungjawab mengundi di saluran satu di Sekolah Kebangsaan Pusat Chabang Tiga, semalam.



Calon BN Datuk Wan Ahmad Farid dan isteri, Toh Puan Intan Baizura Abdul Wahab melambatkan tangan ke arah jurukamera ketika membuang undi di Sekolah Kebangsaan (SK) Pusat, Bukit Besar.



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak (dua, kanan) melawat pos panas di Sekolah Kebangsaan Kuala Ibai sempena Pilihan Raya Kecil Kerusi Parlimen Kuala Terengganu di sini, semalam. Pos panas adalah tempat menyemak daftar mengundi dan saluran mana untuk mengundi.



Sebahagian daripada penyokong Pas yang berkempen pada hari pembuangan undi semalam. Kemenangan akhirnya berpihak kepada calon Pas, Mohd Abdul Wahid Endut.

■ Foto: MOHD SHAMSUL SAID

PILIHAN RAYA KECIL
Kuala Terengganu
(P36)



KEPUTUSAN

Pas (Menang)

Mohd Abdul Wahid Endut:
32,883

BN

Datuk Wan Ahmad Farid
Wan Salleh:
30,252

(Majoriti: 2,631)

BEBAS

Azharudin Mamat @ Adam:
193

**JUMLAH PENGUNDI
BERDAFTAR**

80,229

Jumlah keluar mengundi: 63,993
Undi Pos: 1,302